



Rujukan Kami: KoPKB/pekeliling/4/2022

Tarikh : 12hb April 2022 **bersamaan**
10 Ramadhan 1443H

Kepada
Semua anggota,
Koperasi Permodalan Kelantan Berhad

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yg Bhg Dato'/Tuan/Puan,

NOTIS PERINGATAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (MAT) KALI KE-25/2021 KOPERASI PERMODALAN KELANTAN BERHAD (KoPKB)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berhubung dengan perkara di atas dan mematuhi perkara 28(1) UUK KoPKB **DENGAN INI DIMAKLUMKAN KEPADA SEMUA ANGGOTA KOPERASI** bahawa Mesyuarat Agung Tahunan KoPKB kali ke 25/2021 akan diadakan sebagaimana berikut:

Tarikh : 16hb April 2022
Kaedah : HIBRID (Fizikal dan dalam talian)
1. Fizikal (Dewan Al-Fansuri, Hotel Al-Ansar)
2. Secara dalam talian (bagi anggota yang tidak dapat hadir secara fizikal)
Masa Pendaftaran & Pengundian : 11.00 pagi – 2.00 petang
Masa Mesyuarat : 2.00 Petang – 5.00 petang.

3. Tuan/puan digalakkan melayari laman web www.koppkb.com untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung dengan MAT kali ke 25 dan disarankan 3 hari sebelum mesyuarat berlangsung.

4. Berikut adalah 'Panduan Pengguna / User Guide' untuk mendaftar dan menghadiri MAT kali ke 25 secara maya sebagaimana berikut:

- a) Tatacara Pelaksanaan Mesyuarat Agung Secara Dalam Talian
 - I. Sesi taklimat atau Raptai akan diadakan pada pada 15hb April 2022 pada jam 4.00 – 6.00 petang. (Terbuka kepada ALK dan Urusetia SAHAJA)
 - II. Anggota mestilah bersiap sedia dengan perkakasan dan talian internet yang bersesuaian untuk membolehkan akses ke mesyuarat melalui aplikasi ZOOM MEETING.
 - III. Buku panduan pendaftaran dalam bentuk digital (PDF) akan diberikan kepada semua anggota koperasi yang layak menyertai mesyuarat. (Klik Pautan) di https://kopmalaysia.com/agm_koppkb.pdf
 - IV. Pendaftaran kehadiran anggota hanya akan diambil kira menerusi sistem e-AGM yang digunapakai secara rasmi dengan menggunakan pautan di <https://sola.my/eagm/>
 - V. Pendaftaran dan pengundian hanya akan dibuka bermula jam 11.00 pagi hingga 2.00 petang pada Sabtu, 16hb April 2022.
 - VI. Hanya anggota rasmi koperasi sahaja yang dibenarkan membuat pendaftaran didalam sistem e-AGM dengan memasukkan NO. KAD PENGENALAN dan KOD MESYUARAT : koppkb



- VII. Pautan ZOOM MEETING untuk menyertai mesyuarat secara online hanya akan aktif selepas Tuan/Puan Berjaya mendaftar kehadiran.
 - VIII. Anggota yang telah berdaftar dinasihatkan menyertai mesyuarat sehingga agenda selesai.
- b) Soal Jawab Semasa Mesyuarat Berlangsung
- I. Pengerusi akan member kebenaran untuk bercakap kepada anggota yang terdahulu menekan symbol 'Angkat Tangan/ Raise Hand' dalam ZOOM Meeting.
 - II. Maksima 4 orang dibenarkan bercakap/ mengajukan soalan pada satu-satu agenda.
 - III. Soalan mestilah berkaitan dengan agenda yang dibentangkan. Soalan yang melencong dari tajuk agenda tidak akan dilayan.
 - IV. Bagi ruangan ;Bualan/ Chat', hanya soalan yang berkaitan sahaja akan dipilih.
- c) Proses Pengundian Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi bagi sesi 2022/2023.
Proses pengundian dilakukan selepas sesi pendaftaran anggota (11.00 pagi hingga 2.00 petang)
- d) Elaun Kehadiran Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 25
- I. Hanya anggota yang mendaftar dan menyertai mesyuarat sehingga agenda selesai akan menerima elaun kehadiran.
 - II. Bayaran elaun kehadiran sebanyak RM300.00 secara fizikal dan dalam talian akan dikreditkan ke dalam akaun anggota dalam masa 3 hari bekerja.
- e) Buku laporan Tahunan/ Penyata Kewangan Tahunan & Agenda Mesyuarat Agung
Sila menggunakan pautan https://kopmalaysia.com/buku_mat.pdf yang terdapat dalam web koperasi.
5. Untuk makluman tuan/puan, MAT ini kan dihadiri oleh semua anggota koperasi dan ia tertakluk di bawah seksyen 30 Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan peraturan-peraturan, menyatakan tiada wakil yang mendaftar, mengundi dan membahar bagi pihak anggota.

Sekian, dimaklumkan.

Terima Kasih. Wassalam.

Dengan perintah lembaga,
KOPERASI PERMODALAN KELANTAN BERHAD



RIDZAN NURLINA BINTI MOHAMED NASIR
Setiausaha

s.k – Y.A.Brs Pengarah SKM Cawangan Negeri Kelantan
- Pengerusi
- Fail